

PM pertimbang calon Setiausaha Komanwel

Pemilihan dibuat segera jika ada individu layak isi kekosongan



DATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kerajaan akan membuat keputusan sama ada Malaysia perlu mengemukakan calon untuk jawatan Setiausaha Agung Komanwel yang dijangka kosong akhir tahun ini.

“Kita akan tengok dalam masa yang tidak terlalu lama dari sekarang. Jika ada, bolehlah kita namakannya, jika tak ada, tak adalah. Jangan jadi macam OIC (Pertubuhan Persidangan Islam) dulu,” kata Perdana Menteri mengulas mengenai kemungkinan Malaysia mengemukakan calon bagi jawatan itu.

Beliau berkata demikian kepada wartawan Malaysia yang membuat liputan lawatannya ke Namibia, persinggahan terakhir dalam siri kunjungan lapan harinya ke tiga negara Afrika, termasuk Sudan dan Kenya, malam kelmarin.

Abdullah berkata, banyak negara pertubuhan itu bertanyakan calon dari Malaysia sebelum memutuskan untuk menyokong pencalonan lain bagi jawatan Setiausaha Agung Komanwel.

“Hal ini kita kena pastikan awal-awal. Banyak orang suka Malaysia menghantar calon. Dulu pun begitu di UN (Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu), NAM (Pergerakan Negara Berkecuali) dan OIC, tetapi rakyat Malaysia susah benar,” katanya.

Beliau berkata, kerajaan sebelum ini bercadang menamakan orang ter-

tentu untuk jawatan itu, tetapi calon berkenaan tidak berminat, walaupun beliau ada harapan untuk menjadi Setiausaha Agung Komanwel.

Jawatan Setiausaha Agung Komanwel kini dipegang Don McKinnon dari New Zealand sejak 1999.

Calon dari Malaysia pertama kali dicadangkan oleh Malaysia Think Tank London awal tahun ini dan kerajaan mengenal pasti bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Musa Hitam sebagai calon terbaik, tetapi ditolak beliau atas faktor komitmen yang terlalu banyak.

Pemilihan Setiausaha Agung Komanwel yang baru dibuat Mesyuarat Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) pada sidang kemuncak di Kampala, Uganda mulai 23 hingga 25 November ini. Mengikut amalan biasa negara Komanwel, kali ini giliran Asia un-

tuk menyandang jawatan itu.

Abdullah berkata, banyak negara Komanwel menyatakan mereka suka Malaysia menghantar calonnya dan ini termasuk beberapa Ahli Parlimen yang turut menyatakan agar Malaysia meletakkan calon bagi menggantikan McKinnon.

Katanya, Malaysia tidak mahu mencalonkan sebarang nama kerana sememangnya ada yang berminat, tetapi mereka tidak layak, tidak berkemampuan atau tiada pengalaman untuk memegang jawatan tinggi itu.

CHOGM adalah sidang kemuncak dua tahun sekali ketua kerajaan dari semua negara Komanwel. Mesyuarat terakhir pada 2005 diadakan di Malta dan Setiausaha Agung Komanwel adalah Ketua Sekretariat Komanwel dan memegang jawatan itu untuk penggal empat tahun.

BH - 22/4/2007